



Setem Hasil/Stamp Duty
RM 10.00
(Setem Hasil akan
dimatikan setelah deposit
dibayar sepenuhnya)

 DTCS-750-02-QR-01

 DTCS-750-04-QR-01

 DTCS-750-06-QR-01

**PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK DOMESTIK
DOMESTIC ELECTRICITY SUPPLY APPLICATION**

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT/FOR OFFICE USE

Business Area

Business Partner

No. Contact Log

Pemohonan Individu Berkelompok

No. Contract Account

No. Contract

No. SN Z1

No. Meter

No. SN Z2

BAHAGIAN 1 : UNTUK DIISI OLEH PEMOHON/SECTION 1 : TO BE COMPLETED BY APPLICANT

(BORANG INI HENDAKLAH DIISI DENGAN HURUF BESAR) : (FORM TO BE COMPLETED IN CAPITAL LETTERS)

1A. BUTIR PEMOHON / APPLICANT DETAIL

Gelaran / Salutation (Encik/Puan/Cik/Gelaran Lain)
(Mr./Mrs./Miss/Other Salutation)

Nama Pemohon / Applicant's Name

No. K/P Lama / Old IC No.

No. K/P Baru / New IC No. atau / or

No. Pasport / Passport No.

No Pendaftaran GST

1B. ALAMAT / ADDRESS

Bil dihantar ke / Bill send to Alamat Premis / Premise Address Alamat Surat Menyurat / Mailing Address

Alamat Premis Bagi Permohonan Bekalan Elektrik / Premise Address

No. / No. No. Lot / No. Pangsapuri

Tingkat / Floor Lot No. / Apartment No.

Bangunan / Building

Nama Jalan / Street Name

Taman/Seksyen / Garden/Section

Poskod / Postcode

Bandar / Town

Negeri / State

Telefon (R) / Telephone (H)

Telefon (P) / Telephone (O)

Telefon Bimbit / Handphone

Fax / Telefax

E-mel / E-mail

Status Premis / Premise Status

Sendiri / Own Sewa / Rent Lain-lain / Others

Jenis Kediaman / Type Of Resident

Teres Setingkat / Terrace Teres Dua Tingkat / Semi Detached Lain-lain. Sila nyatakan / Others, please specify

Alamat Surat-Menyurat / Mailing Address

Alamat / Address

Poskod / Postcode

Bandar / Town

Negeri / State

Telefon (R) / Telephone (H)

Telefon (P) / Telephone (O)

Telefon Bimbit / Handphone

Fax / Telefax

E-mel / E-mail

No Akaun Bank

Nama Bank

- Borang permohonan ini boleh dimajukan ke Pejabat Kawasan SESB yang berhampiran dengan premis anda. / This application form should be submitted to the nearest SESB regional office.
- Borang permohonan ini diberi secara percuma. / This application form is distributed free of charge.
- Borang permohonan ini boleh diisi samada menggunakan pen mata bulat ataupun bertaip. / This application form is to be filled with using either ball point pen or typewritten.

BAHAGIAN 2 : TERMA DAN SYARAT / SECTION 2 : TERMS AND CONDITIONS

SYARAT-SYARAT BEKALAN ELEKTRIK BAGI PENGGUNA DOMESTIK

DEFINISI

- 1 **BEKALAN ELEKTRIK**
Samada bekalan elektrik secara tetap atau sementara tertakluk kepada permohonan pengguna kepada SESB.
 - 2 **CAJ MINIMUM BULANAN**
Caj minimum bulanan yang dikenakan ke atas Pengguna bagi bil bulanan elektrik (kW dan/atau kWj) menurut kadar yang ditetapkan dalam struktur dan kadar Tarif SESB.
 - 3 **CAJ SAMBUNGAN**
Pembayaran yang dikenakan oleh SESB kepada Pengguna yang memerlukan bekalan elektrik baru atau tambahan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 dan peraturan serta pindaan yang dibuat ke atasnya.
 - 4 **KONTRAK**
Merangkumi Kontrak Bekalan Elektrik, Borang Permohonan Bekalan Elektrik Domestik dan Surat Akujanji dan Tanggungan Rugi.
 - 5 **KONTRAKTOR ELEKTRIK BERDAFTAR**
Orang yang memegang Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Elektrik yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.
 - 6 **PENGGUNA**
Seseorang dan entiti yang berdaftar dengan SESB dan premisnya/premis diduduki dan dibekalkan dengan elektrik pada sepanjang masa yang material disambungkan bagi tujuan pembekalan elektrik melalui Pemasangan SESB tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh SESB dan Akta Bekalan Elektrik 1990 dan peraturan serta pindaan yang dibuat dibawahnya.
 - 7 **PEPASANGAN**
Keseluruhan mana-mana loji atau kelengkapan primer dan sekunder yang direkabentuk bagi tujuan pembekalan, penjanaan atau penggunaan elektrik termasuk penggerak-penggerak utama beserta semua loji, bangunan dan tanah yang perlu yang berkaitan dengannya, talian paip, talian bekalan dan radas penggunaan menurut peruntukan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 dan mana-mana peraturan yang dibuat dibawahnya dan sebarang pindaan yang dibuat ke atasnya.
 - 8 **PIHAK BERKUASA**
Mana-mana Badan Kerajaan dan/atau Badan Berkanun dan/atau agensi yang bertindak sebagai pihak berkuasa yang ditubuhkan di bawah Akta yang berkaitan.
 - 9 **SESB**
Sabah Electricity Sdn. Bhd. (462872-W) sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dan menjalankan perniagaan di alamat berdaftaranya di Wisma SESB, Jalan Tunku Abdul Rahman, 88673 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
 - 10 **TARIF**
Kadar yang akan dikenakan kepada Pengguna bagi penggunaan tenaga elektrik seperti dirujuk pada Bahagian 6 Borang Permohonan ini, menurut peruntukan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 dan diluluskan oleh kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.
- A. TANGGUNGJAWAB PENGGUNA**
- 1.0 **MENGAMBIL BEKALAN**
Mengambil bekalan elektrik daripada SESB ke premis Pengguna mengikut struktur dan kadar Tarif yang ditetapkan dan berdasarkan peruntukan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 dan mana-mana peraturan yang dibuat dibawahnya dan sebarang pindaan yang dibuat ke atasnya.
 - 2.0 **BAYARAN CAJ SAMBUNGAN**
Membayar penuh bayaran Caj Sambungan bekalan elektrik kepada SESB (sekiranya ada) sebelum sebarang kerja penyambungan bekalan dimulakan oleh SESB sepertimana yang diperuntukkan dalam Akta Bekalan Elektrik 1990.
 - 3.0 **WANG CAGARAN**
 - a) Pengguna hendaklah membayar wang cagaran yang bersamaan dengan anggaran caj penggunaan elektrik untuk dua (2) bulan penggunaan elektrik bulanan sebelum bekalan disambungkan, dengan syarat bahawa SESB berhak mengkaji semula jumlah cagaran yang diperlukan berdasarkan kepada jumlah penggunaan elektrik oleh Pengguna dari semasa ke semasa.
 - b) Pengguna mempunyai pilihan untuk menyediakan wang cagaran dalam bentuk tunai atau Jaminan bank. Bagi Pengguna yang menyediakan jaminan bank, sekiranya jaminan bank tamat tempoh sah laku dan Pengguna gagal untuk memperbaharui jaminan bank tersebut, SESB berhak memotong bekalan di premis Pengguna berkenaan.
 - c) Sekiranya Pengguna memohon bekalan sementara, tertakluk kepada persetujuan SESB, Pengguna hendaklah membayar wang cagaran yang bersamaan dengan anggaran caj penggunaan elektrik untuk enam (6) bulan penggunaan elektrik bulanan Pengguna sebelum bekalan disambungkan, dengan syarat bahawa SESB berhak mengkaji semula jumlah cagaran yang diperlukan berdasarkan kepada jumlah penggunaan elektrik Pengguna dari semasa ke semasa.
 - d) Sekiranya Pengguna gagal membayar penambahan jumlah wang cagaran seperti yang ditetapkan oleh SESB berdasarkan semakan anggaran caj penggunaan sebagaimana yang ditentukan dalam Klausula 3.0 (a) atau (c) di atas, SESB berhak memotong bekalan di premis Pengguna berkenaan.
 - e) Wang cagaran tersebut adalah merupakan pembayaran sekuriti dan bukannya pembayaran awal dan ianya tidak akan melepaskan Pengguna menanggung sebarang liabiliti untuk membayar bil elektrik bulanan dan apa-apa caj tertunggak yang kena bayar oleh Pengguna kepada SESB.
 - f) SESB akan membayar kepada Pengguna, rebat tahunan bagi wang cagaran tunai sahaja tertakluk kepada terma dan syarat dan kadar bayaran yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa.
 - g) Sebarang penamatan oleh mana-mana pihak, SESB akan mengembalikan wang cagaran tersebut kepada Pengguna selepas menolak segala jumlah tunggakan yang kena bayar oleh Pengguna kepada SESB.

4.0 CAJ MINIMUM BULANAN

Pengguna bersetuju membayar Caj Minimum Bulanan kepada SESB setelah menerima bekalan elektrik di Premis Pengguna.

5.0 KEBENARAN LALUAN

Pengguna bersetuju dengan SESB bahawa pekerja, agen, kontraktor dan/atau wakil SESB dibenarkan untuk memasuki kawasan premis Pengguna pada masa yang munasabah dengan apa-apa cara dalam apa-apa jua keadaan atas sebab-sebab berikut:-

- a) Menjalankan kerja-kerja/pemeriksaan dan/atau ujian dan/atau pembinaan dan/atau apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan pembekalan dan/atau pemotongan bekalan elektrik ke premis Pengguna.
- b) Membenarkan SESB memotong mana-mana pokok yang difikirkan perlu di dalam kawasan harta atau premis Pengguna untuk tujuan keselamatan atau pembersihan laluan atau penyelenggaraan bagi talian serbis ke premis Pengguna tersebut dari semasa ke semasa tanpa sebarang gantirugi dari SESB dan sebarang kos terlibat hendaklah ditanggung oleh pengguna.

6.0 TIADA GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK KEPADA PENGGUNA LAIN

Pengguna bersetuju untuk menggunakan bekalan elektrik tanpa mengganggu kelancaran bekalan elektrik kepada Pengguna-Pengguna lain SESB.

7.0 PENJAGAAN DAN PENYELENGGARAAN PEPASANGAN SESB

Pengguna bersetuju :-

- a) Menjaga Pemasangan SESB dan mengambil langkah bagi memastikan tiada kerosakan berlaku ke atas Pemasangan tersebut.
- b) Membenarkan SESB (termasuk pekerja, agen, kontraktor atau wakil yang dilantik oleh SESB) untuk menyelenggara mana-mana Pemasangan elektrik SESB di premis Pengguna pada bila-bila masa untuk tujuan keselamatan tanpa menuntut sebarang pampasan, kerugian dan sebagainya daripada SESB.
- c) Sekiranya terdapat sebarang kecacatan atau kejanggalan terhadap Pemasangan, SESB berhak untuk membaikpulih dan menghapuskan kecacatan tersebut tanpa sebarang pampasan daripada SESB melainkan dibuktikan sebaliknya dan sebarang kos terlibat hendaklah di tanggung oleh pengguna.

8.0 TIADA HALANGAN KEPADA PEPASANGAN SESB

- a) Pengguna bertanggungjawab untuk tidak mewujudkan apa-apa halangan dan/ atau menjalankan apa-apa aktiviti berhampiran dengan mana-mana Pemasangan elektrik SESB dan/atau menempatkan apa-apa kelengkapan yang mungkin menyebabkan bahaya kepada nyawa atau harta benda.
- b) SESB berhak untuk mengambil tindakan yang munasabah untuk menghapuskan halangan yang diwujudkan oleh Pengguna dan/atau penghuni dan/atau wakil dan/atau agen dan/atau mana-mana orang yang berada di bawah jagaan/kawalan Pengguna.
- c) SESB tidak akan membayar sebarang kos kerugian dan/atau kerosakan kepada Pengguna yang berkaitan dengan tindakan penghapusan tersebut.

9.0 PENAMATAN KONTRAK OLEH PENGGUNA

- a) Pengguna boleh menamatkan Kontrak ini dengan memberi notis secara bertulis kepada SESB sekurang-kurangnya tiga (3) hari bekerja dan hendaklah diserahkan secara yang telah ditetapkan dalam Klausula 28.0 Kontrak ini.
- b) Sebarang penamatan bekalan tidak akan membebaskan Pengguna daripada sebarang tanggungan dan liabiliti termasuk apa-apa tuntutan atau caj yang dikenakan oleh SESB ke atas Pengguna sebelum Kontrak ditamatkan.

10.0 BAYARAN PEMOTONGAN BEKALAN

Pengguna boleh dikenakan oleh SESB caj pembayaran pemotongan bekalan di Premis Pengguna jika sekiranya berlaku keadaan sepertimana berikut:-

- a) Kegagalan membayar bil elektrik atau pembayaran penambahan wang cagaran; atau
- b) Penukaran Pengguna dan/atau penukaran Tarif ; atau
- c) Kegagalan Pengguna memperbaharui jaminan bank yang telah tamat tempoh sah laku; atau
- d) Berlakunya mana-mana kejadian keingkaran oleh Pengguna di bawah Klausula 22.0 dalam Kontrak ini.

11.0 PENGOSONGAN PREMIS

- a) Sekiranya Pengguna mengosongkan premis tanpa memberi sekurang-kurangnya tiga (3) hari notis bertulis kepada SESB, Pengguna bertanggungjawab membayar semua tuntutan dan caj penggunaan elektrik dan apa-apa caj yang perlu dibayar berkenaan dengan pembekalan elektrik sehingga Pemasangan itu dipotong dan ditamatkan atau sehingga seorang Pengguna lain memohon bekalan di premis itu dan memasuki Kontrak Bekalan yang baru dengan SESB.
- b) SESB berhak untuk tidak memberi bekalan elektrik kepada Pengguna bagi mana-mana premis Pengguna sehingga Pengguna tersebut membayar sepenuhnya amaun tunggakan bil elektriknya.

12.0 TANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBAIKI KEROSAKAN

- a) Pengguna wajib menanggung dan membayar sebarang kerugian kepada SESB terhadap Pemasangan SESB yang rosak yang berlaku di dalam kawasan Pengguna atau yang diakibatkan oleh kecuaiannya atau mana-mana orang di bawah jagaan Pengguna.
- b) SESB boleh menjalankan pemeriksaan dan ujian ke atas semua pemasangan sebelum bekalan disambungkan. Walaubagaimanapun adalah menjadi tanggungjawab kontraktor elektrik yang berdaftar untuk memastikan pemasangan tersebut adalah selamat.

13.0 PERAKUAN PEMOHON

Pengguna hendaklah mematuhi pada bila-bila masa 'Perakuan Pemohon' sepertimana yang dinyatakan di Bahagian 1 Borang Permohonan, terma-terma yang terkandung dalam Kontrak ini, peruntukan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 dan mana-mana peraturan yang dibuat dibawahnya dan sebarang pindaan yang dibuat ke atasnya.

B. TANGGUNGJAWAB SESB**14.0 KEDUDUKAN PEPASANGAN**

- a) SESB akan menentukan kedudukan tempat dan penamatan-akhir masuk talian-talian sesalur atau kabel termasuk fuis-fuis "cut-out", meter dan lain-lainnya ke premis Pengguna.
- b) Bagi premis individu, mana-mana pemasangan sesalur dan talian servis dan alat-alat tambahan termasuk meter adalah harta SESB.
- c) Sekiranya Pengguna atau pemilik premis hendak mengalihkan Pemasangan berkenaan, kebenaran hendaklah diperolehi daripada SESB terlebih dahulu dan kos pengalihan akan ditanggung oleh pihak Pengguna atau pemilik premis. Pengalihan yang dibuat tanpa kebenaran bertulis SESB, SESB berhak untuk memotong bekalan tanpa sebarang notis.
- d) Bagi premis yang mempunyai pelbagai penghuni di mana sebahagian dari bekalan adalah bagi tujuan termasuk tetapi tidak dihadkan kepada pemilik, pemaju pemunya pengurusan atau tuan tanah dan lain-lain penghuni bangunan, bekalan tuan tanah dan bekalan setiap penghuni akan mempunyai meter yang berasingan dan dibilkan oleh SESB. Pemilik, pemaju, pemunya pengurusan, tuan tanah atau agen masing-masing wajib atas perbelanjaan sendiri memperuntukkan, memiliki, menyelenggara dan membaikpulih sistem elektrik di dalam bangunan termasuk sesalur meningkat dan sesalur sisi jika difikirkan patut atau perlu. Rekabentuk, pemasangan dan pengendalian sistem elektrik tersebut hendaklah mematuhi segala peruntukan yang telah ditetapkan oleh badan yang bertanggungjawab termasuk Pihak Berkuasa dan SESB.

15.0 PENGGUNAAN PEPASANGAN UNTUK PENGGUNA LAIN

SESB boleh menggunakan mana-mana bahagian Pemasangan yang disediakan oleh SESB untuk memberi bekalan elektrik kepada Pengguna-Pengguna yang lain dalam kawasan itu.

16.0 PEMERIKSAAN OLEH SESB

- a) SESB boleh menjalankan pemeriksaan dan ujian ke atas semua Pemasangan sebelum bekalan disambungkan. Walaubagaimanapun adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor Elektrik Berdaftar untuk memastikan Pemasangan tersebut adalah selamat digunakan.
- b) Bagi premis individu, mana-mana pemasangan sesalur dan talian servis dan alat-alat tambahan termasuk meter adalah harta SESB.
- c) Pengguna hendaklah memaklumkan kepada SESB sebarang permintaan untuk penyambungan atau pengubahsuaian kepada Pemasangan supaya SESB boleh menjalankan pemeriksaan dan ujian terhadap penyambungan atau pengubahsuaian tersebut sekiranya SESB ingin berbuat demikian.
- d) SESB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan atau yang berlaku semasa atau selepas ujian akibat sebarang kecacatan pada Pemasangan itu. Sebarang ujian yang dijalankan oleh SESB adalah bagi maksudnya sendiri dan tidak boleh disiratkan ada sebarang waranti bahawa Pemasangan itu sesuai bagi kegunaan Pengguna atau ianya telah mematuhi sepenuhnya Akta Bekalan Elektrik 1990 dan peraturan yang dibuat dan di bawahnya, dan sebarang pindaan ke atasnya.

17.0 PEMBERHENTIAN BEKALAN SEMENTARA

- a) SESB boleh membuat pemberhentian bekalan sementara waktu bagi tujuan penambahbaikan, ujian, pemeriksaan atau bagi apa-apa tujuan sekalipun yang berkaitan dengan keberkesanan sistem pembekalan elektrik SESB dengan memberi notis bertulis tidak kurang daripada empat puluh lapan (48) jam secara kediri atau penyampaian secara pengiklanan tentang niat untuk melakukan pemberhentian sementara waktu.
- b) SESB tidak bertanggungjawab untuk memberi bekalan alternatif semasa berlakunya pemberhentian bekalan sementara.

C. ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI OLEH KEDUA BELAH PIHAK**18.0 SESALUR MENINGKAT DAN SESALUR SISI**

- (a) Bagi premis individu, mana-mana pemasangan sesalur yang terdiri daripada talian utama dan talian servis dan alat-alat tambahan termasuk meter adalah harta SESB.
- (b) Bagi premis yang mempunyai pelbagai penghuni di mana sebahagian daripada bekalan elektrik adalah bagi tujuan termasuk tetapi tidak dihadkan kepada pemilik, pemaju, pemunya pengurusan atau tuan tanah dan lain-lain penyewa bangunan, bekalan elektrik tuan tanah dan bekalan elektrik bagi setiap penyewa akan mempunyai meter yang berasingan dan dibilkan oleh SESB. Pemilik, pemaju, pemunya pengurusan, tuan tanah atau agen masing-masing wajib memperuntukkan, memiliki, menyelenggara dan membaikpulih dengan perbelanjaan sendiri sistem elektrik di dalam bangunan termasuk sesalur meningkat dan sesalur sisi. Rekabentuk, Pemasangan dan pengendalian sistem elektrik tersebut hendaklah mematuhi segala peruntukan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa yang berkaitan dan ditetapkan SESB.

19.0 BEKALAN ELEKTRIK SEMENTARA

Jika permohonan Pengguna atau pemilik premis untuk bekalan elektrik sementara dibenarkan dan diluluskan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh SESB, Pengguna atau pemilik premis akan dikenakan kadar Tarif seperti yang dinyatakan pada Bahagian 6 Borang Permohonan Kontrak Bekalan Elektrik ke atas jumlah bil bulanan.

20.0 BIL DAN PEMBAYARAN

- a) Semua bil elektrik yang dimajukan kepada Pengguna mesti dibayar oleh Pengguna dalam tempoh yang ditetapkan dalam bil-bil berkenaan.
- b) SESB boleh menamatkan kontrak ini pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis tidak kurang 7 hari bekerja mengenai niatnya untuk berbuat demikian.
- c) SESB juga mempunyai hak untuk mengenakan Caj Minimum Bulanan sekiranya bil bulanan elektrik adalah kurang daripada jumlah yang ditetapkan dalam struktur dan kadar Tarif.
- d) SESB juga boleh menamatkan kontrak ini di bawah klausa 23 dengan memberi notis bertulis kecuali keingkaran berlaku di bawah klausa 22 (a), (b) dan (c) maka penamatan kontrak ini boleh dilakukan setelah tamat tempoh remedi oleh SESB.
- e) SESB mempunyai hak untuk mengenakan surcaj sebanyak satu (1%) peratus sebulan ke atas apa-apa amaun tertunggak sehingga pembayaran sepenuhnya dibuat.
- f) Sekiranya SESB menerima sebarang notis pemotongan sementara daripada pengguna maka penerimaan tersebut adalah dianggap sebagai notis penamatan kontrak oleh pengguna tertakluk kepada penyerahan notis oleh SESB di bawah klausa 24 (a).
- g) Pengguna adalah bertanggungjawab ke atas bil-bil elektrik yang dikeluarkan oleh SESB selagi mana akaun didaftarkan di atas nama Pengguna tanpa mengira penggunaan elektrik oleh mana-mana pihak ketiga.
- h) Sekiranya SESB mendapati maklumat yang diberikan adalah tidak benar dan/atau terdapat pertikaian dengan bukti prima facie berhubung maklumat tersebut bagi tujuan pemberian bekalan, SESB berhak menamatkan kontrak ini dengan memajukan notis bertulis tidak kurang 24 jam.
- i) Pengguna bertanggungjawab untuk membuat pembayaran semula ke atas bil elektrik yang telah dikeluarkan oleh pihak SESB termasuk lain-lain caj yang berkaitan bagi pembayaran yang tidak sah yang telah dibuat oleh Pengguna seperti pembayaran melalui kad kredit palsu, cek tendang atau lain-lain kaedah pembayaran yang tidak sah.
- j) Sekiranya Pengguna gagal membayar apa-apa amaun di bawah klausa 20.0 (a), (b) dan (c), SESB mempunyai hak untuk memotong bekalan elektrik di premis Pengguna yang berkenaan atau mana-mana premis lain yang didaftarkan di atas nama Pengguna.
- k) Pengguna adalah bertanggungjawab ke atas apa-apa tunggakan bil elektrik dan/atau kerugian yang dialami oleh SESB disebabkan penggunaan tenaga elektrik secara tidak jujur dalam apa jua keadaan.
- m) SESB berhak untuk membuat pelarasan dan mengemaskini akaun Pengguna pada bila-bila masa jika perlu.

21.0 PENGALIHAN PEPASANGAN SESB

Jika Pengguna atau pemilik sesebuah premis meminta SESB supaya mengalihkan atau memindahkan mana-mana Pemasangan SESB di dalam atau di luar kawasan premis Pengguna, tertakluk kepada persetujuan SESB, segala kos untuk menjalankan pengalihan atau pemindahan tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh Pengguna atau pemilik premis yang mana berkenaan.

22.0 KEJADIAN KEINGKARAN

Kejadian bagi mana-mana perkara yang disebutkan berikut adalah dianggap Kejadian Keingkaran di bawah Kontrak ini dan ianya tidak terhad kepada:-

- a) Tindakan atau kesalahan Pengguna yang telah menjejaskan kecekapan dan/atau keselamatan Pemasangan SESB;
- b) Pengguna telah gagal mematuhi atau melanggar mana-mana peruntukan di bawah Kontrak ini dan/atau Akta Bekalan Elektrik 1990 dan mana-mana peraturan dan/atau pindaan yang dibuat keatasnya;
- c) Kegagalan atau keengganan atau kecuaiannya Pengguna atau Penjamin kepada Pengguna mematuhi format jaminan bank yang disediakan oleh SESB semasa mengemukakan jaminan bank;
- d) Pengguna mendapat kebenaran untuk melantik jawatan penerima atau likuidator sendiri bagi mentadbir keseluruhan atau sebahagian daripada harta Pengguna;
- e) Pengguna mengakui secara bertulis ketidakupayaan Pengguna untuk membayar tunggakan hutangnya kepada SESB;
- f) Pengguna membuat serahanhak umum atau pengubahsuaian atau komposisi dengan atau bagi kelebihan kepada pemiutang;
- g) Memulakan kes secara sukarela atau petisyen terhadap mana-mana pihak bertujuan untuk mendapatkan kelebihan bagi mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan kebangkrutan, insolvensi, penstrukturan hutangnya, penggulangan atau komposisi;
- h) Pengguna diletakkan di bawah penerimaan atau pentadbiran khas atau likuidasi;
- i) Pengguna diisytiharkan mufis;
- j) Telah berlakunya pembubaran atau kematian Pengguna;
- k) Gagal membayar bil elektrik dan apa-apa yang kena bayar olehnya sepertimana yang dinyatakan dalam Klausula 20.0 Kontrak ini;
- l) Menggunakan bekalan elektrik secara tidak jujur;

Pada tarikh kuatkuasa penamatan berkenaan, SESB akan dilepaskan dari sebarang obligasi dan liabiliti di bawah Kontrak ini termasuk sebarang tuntutan gantirugi tanpa menjejaskan hak SESB untuk membuat tuntutan akibat daripada pemotongan bekalan elektrik dan penamatan Kontrak ini.

23.0 PEMOTONGAN BEKALAN ELEKTRIK

SESB berhak memotong bekalan elektrik tanpa sebarang notis dalam mana-mana keadaan yang dinyatakan di bawah seperti berikut:-

- a) Pengguna terlibat dalam mana-mana Kejadian Keingkaran di bawah klausula 22.0 dalam Kontrak ini dan ianya tidak diremеди dalam tempoh yang telah ditetapkan sekiranya ada.
- b) Melalui perintah mahkamah.
- c) SESB berpendapat bahawa jika bekalan diteruskan ianya akan membahayakan keselamatan, reliabiliti atau sekuriti sistem SESB atau mendatangkan ancaman fizikal yang ketara atau mengancam keselamatan, nyawa atau kesihatan mana-mana orang.
- d) Sebarang hak untuk memotong tanpa notis seperti yang telah diperuntukan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990.

24.0 PENAMATAN KONTRAK OLEH SESB

- a) SESB boleh menamatkan Kontrak ini pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis tidak kurang daripada tujuh (7) hari bekerja tentang niatnya untuk berbuat demikian.
- b) Tanpa menjejaskan hak SESB, SESB boleh menamatkan kontrak ini di bawah klausula 23.0 kecuali keingkaran berlaku di bawah klausula 22.0 (a), (b) dan (c) maka penamatan Kontrak ini boleh dilakukan setelah tamat tempoh remedi oleh SESB.
- c) Sekiranya Pengguna memberi SESB notis pemotongan elektrik sementara maka ianya hendaklah dianggap sebagai notis penamatan Kontrak tertakluk kepada penyerahan notis di bawah klausula 24.0(a) ini.
- d) Sekiranya SESB mendapati bahawa maklumat yang diberikan oleh Pengguna adalah tidak benar dan/atau terdapat pertikaian dengan wujudnya bukti *prima facie* berkenaan dengan bekalan elektrik, SESB mempunyai hak untuk menamatkan Kontrak ini setelah memberi notis bertulis tidak kurang dari 24 jam.

25.0 FORCE MAJEURE

SESB tidak bertanggungjawab kepada Pengguna atas keingkaran mana-mana terma dan syarat dalam Kontrak ini yang disebabkan oleh apa-apa kejadian yang merangkumi dan tidak terhad kepada kecemasan nasional, peperangan, hostiliti, rusuhan, gangguan sivil, gempa bumi, banjir, disposisi, kejadian semulajadi atau kejadian kebakaran yang boleh disebabkan oleh pembekalan atau penggunaan atau penyalahgunaan bekalan atau ketetapan dengan perintah kerajaan, badan negeri atau mana-mana badan lain.

26.0 PEMINDAHAN AMAUN TERTUNGGAK DAN LEBIHAN DEPOSIT

Pengguna bersetuju bahawa:-

- a) SESB mempunyai hak memindahkan sebarang tunggakan bil elektrik daripada akaun Pengguna yang tidak aktif ke dalam sebarang akaun berdaftar Pengguna yang masih aktif.
- b) Sekiranya terdapat baki wang cagaran di dalam akaun Pengguna yang tidak aktif, SESB mempunyai hak untuk menggunakan baki wang cagaran tersebut bagi tujuan berikut:-
 - i) Menolak apa-apa amaun/caj tertunggak bagi akaun-akaun Pengguna yang tidak aktif.
 - ii) Bagi mana-mana akaun yang aktif, baki wang cagaran akaun yang tidak aktif boleh dipindahkan ke dalam mana-mana akaun Pengguna yang masih aktif (sekiranya ada).

27.0 INDEMNITI DAN LIABILITI TIDAK BOLEH TUNTUT

Pengguna dengan ini bersetuju:-

- a) Mengganti rugi dan akan terus mengganti rugi SESB daripada dan terhadap segala tuntutan, perbuatan, pampasan, tuntutan mahkamah, prosiding dan segala kos guaman yang dibawa oleh pihak ketiga ke atas SESB, pekerja atau agennya, yang mana SESB adalah atau mungkin bertanggungjawab akibat daripada pelaksanaan Kontrak ini.
- b) Bahawa SESB, pekerja, pengkhidmat, agen, wakil tidak akan bertanggungjawab dan/ atau menanggung rugi kepada Pengguna apa-apa kerosakan, kecederaan atau kehilangan terhadap harta Pengguna dan/ atau nyawa melainkan kerosakan, kecederaan atau kehilangan harta Pengguna dan/atau nyawa kecuali kerugian, kecederaan atau kehilangan tersebut telah dibuktikan disebabkan oleh sebarang perbuatan sengaja, cuai, tidak melakukan dan/atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana standard keselamatan yang terdapat di bawah mana-mana Undang-undang bertulis.

- c) Bahawa SESB tidak bertanggung bagi sebarang kos yang dikeluarkan, kehilangan/atau kerosakan barang-barang industri, produk, harta atau nyawa Pengguna akibat daripada kemalangan yang tidak dapat dielakkan, ketidaktepatan voltan, gangguan, pengurangan dan/atau gangguan bekalan elektrik, kebakaran atau kemalangan yang timbul disebabkan oleh bekalan elektrik atau penggunaan atau penyalahgunaan yang tidak disebabkan oleh kecuai atau perbuatan sengaja oleh SESB dan/atau pekerjaanya.

D. LAIN-LAIN PERKARA

28.0 NOTIS

Melainkan dan kecuali diperuntukkan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 dan mana-mana klausa dalam Kontrak ini, apa-apa notis, tuntutan atau komunikasi lain yang diperlukan atau dibenarkan di bawah Kontrak ini hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah disampaikan dan diterima sepertimana berikut :-

- i. Jika penyampaian secara serahan tangan, bukti penerimaan pada masa penerimaan diakui atau diserahkan.
- ii. Jika penyampaian melalui pos berdaftar prabayar atau pos biasa, bukti penerimaan selepas tiga (3) hari bekerja dari tarikh pengeposan.
- iii. Jika penyampaian secara faksimili, bukti penerimaan pada masa penerimaan slip pengesahan transmisi yang menyatakan bahawa notis telah disampaikan ke nombor faksimili penerima.

29.0 PENYAMPAIAN PROSES UNDANG-UNDANG

Penyampaian sebarang proses undang-undang hendaklah melalui pos berdaftar prabayar yang dihantar kepada alamat yang diberikan dalam Kontrak ini. Bukti pengeposan akan dianggap sebagai bukti penerimaan dan penyampaian berkenaan hendaklah dianggap lengkap selepas lima (5) hari dari tarikh pengeposan.

30.0 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Kontrak ini adalah tertakluk dan ditafsirkan mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990 dan sebarang peraturan yang dibuat dibawahnya termasuk sebarang pindaan yang dibuat keatasnya.

31.0 PINDAAN, MODIFIKASI ATAU GANTIAN

SESB boleh pada bila-bila masa memperkenalkan terma baru atau membuat perubahan atau pindaan ke atas terma-terma di dalam Kontrak yang sedia ada selagi mana tidak bercanggah dengan Akta Bekalan Elektrik 1990 dan sebarang peraturan atau pindaan dibuat di bawahnya dan dianggap sebahagian daripada Kontrak ini.

32.0 SERAHANHAK

Pengguna tidak boleh menyerahkan hak atau obligasi yang timbul di bawah Kontrak ini kepada mana-mana pihak ketiga tanpa persetujuan bertulis SESB.

33.0 PENGENEPIAN

Pengetahuan atau berdiam diri oleh SESB atas pelanggaran mana-mana syarat atau waad di atas tidak dianggap sebagai pengenejian mana-mana syarat atau waad atau mana-mana daripadanya dan meskipun pengetahuan atau berdiam diri tersebut, SESB berhak untuk menjalankan haknya dibawah Kontrak ini.

34.0 TEMPOH MASA

Tempoh masa adalah teras dibawah Kontrak ini.

35.0 PENGGANTI HAKMILIK

Kontrak ini adalah mengikat terhadap pengganti hak milik dan pemegang-pemegang serah hak yang dibenarkan oleh mana-mana pihak di bawah Kontrak ini.

36.0 DUTI SETEM

Duti setem di bawah Kontrak ini akan ditanggung dan di bayar sepenuhnya oleh Pengguna.

37.0 KEBOLEHASINGAN

Jika satu atau lebih peruntukan di dalam Kontrak ini atau sebahagian darinya tidak sah atau menjadi tidak sah atau tidak terpakai atas apa-apa juga alasan ianya tidak akan sama sekali mengganggu atau merosakkan keesahan atau penguatkuasaan peruntukan yang lain.

38.0 PEMASANGAN PERALATAN UNTUK TUJUAN PENJANAAN ELEKTRIK DENGAN SENDIRI

Pengguna adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada SESB sebarang pemasangan peralatan bagi tujuan penjanaan elektrik di dalam premis Pengguna.

39.0 POWER QUALITY

Pengguna mestilah berusaha untuk memastikan semua pemasangan elektrik mempunyai daya ketahanan kepada perubahan singkat voltan dan tidak akan menghasilkan lain-lain masalah kualiti voltan yang akan memberi kesan yang negatif kepada sistem pembekalan elektrik.

40.0 KERAHSIAAN

Melainkan ia menjadi sebahagian daripada maklumat umum, segala maklumat yang diberikan oleh pihak yang berkontrak adalah sulit pada bila-bila masa kecuali dinyatakan sebaliknya secara bertulis.

41.0 CUKAI-CUKAI

1) Cukai Barang dan Perkhidmatan ('GST');

- a) Klausa ini hendaklah terpakai apabila undang-undang GST dilaksanakan di Malaysia. SESB dan pengguna ('Pihak-pihak') mengakui dan bersetuju bahawa klausa ini boleh kemudiannya disemak semula untuk mematuhi undang-undang GST yang diguna pakai pada masa tersebut.
- b) Semua jumlah yang dinyatakan di dalam Kontrak ini adalah untuk mematuhi undang-undang GST, melainkan jika dinyatakan dengan jelas bahawa ianya bertujuan termasuk GST.

- c) pihak-pihak mengakui dan bersetuju bahawa sekiranya GST dikenakan terhadap mana-mana pembekalan yang dibuat oleh SESB di bawah Kontrak ini, SESB akan hendaklah mempunyai hak untuk menaikan pembayaran balasan yang perlu dibayar bagi pembekalan itu dengan suatu jumlah yang sama seperti GST yang dikenakan. SESB berhak untuk mendapatkan semula jumlah yang dinaikan daripada pengguna sebagai sebahagian daripada balasan bagi pembekal itu.
- d) Pembayaran balasan bagi pembekalan hendaklah dinaikan dengan suatu jumlah yang dikira seperti:

$$A \times R$$
 dimana:
 A adalah pembayaran balasan yang perlu dibayar bagi pembekalan; dan R adalah kadar GST yang digunakan pada masa pembekalan (selepas ini dirujuk sebagai "Jumlah GST")
- e) Pengguna hendaklah membayar Jumlah GST pada masa dan dengan cara yang sama seperti pembayaran balasan bagi pembekalan yang dinyatakan di bawah Kontrak ini.
- f) Invois cukai, yang mana perlu dibuat di dalam bentuk invois cukai penuh atau ringkas seperti diperuntukkan di bawah mana-mana panduan GST yang digunakan pada masa tersebut, hendaklah dikeluarkan selepas GST dikenakan dan resit penerimaannya atau mana-mana dokumen yang dikeluarkan selepas pembayaran bagi pembekalan oleh SESB kepada Pengguna hendaklah menyatakan jumlah GST yang perlu dibayar.
- g) Sekiranya satu pihak harus membayar balik kos atau perbelanjaan kepada satu pihak yang lain, jumlah yang harus bayar balik hendaklah dikira bersih daripada sebarang cukai input GST yang mana pihak yang menuntut ganti rugi adalah berhak terhadap kos dan perbelanjaan yang timbul.

Bagi maksud klausa ini:-

Cukai Barang dan Perkhidmatan ('GST') bermaksud cukai barang dan perkhidmatan sebagaimana yang ditakrifkan dalam undang-undang GST terpakai.

2) Cukai-Cukai dan Levi-Levi yang Lain

Kecuali dinyatakan sebaliknya, Pengguna hendaklah bertanggungjawab ke atas semua cukai semasa dan akan datang, duti-duti, levi-levi, dan caj-caj yang serupa termasuklah mana-mana faedah dan penalti yang berkaitan, walaupun bagaimanapun cara sekalipun ianya diperuntukkan (selepas ini dirujuk sebagai 'Cukai-Cukai Lain'), yang timbul daripada satu atau yang berkaitan dengan apa-apa jenis pembekalan yang dikenakan oleh undang-undang.

42.0 KERJA-KERJA TEKNIKAL DI TAPAK

- a) Sekiranya SESB tidak dapat memulakan dan/atau menyiapkan pemasangan disebabkan oleh maklumat yang tidak lengkap dan/atau tidak tepat di bawah Bahagian 4 dalam Kontrak ini yang dimajukan oleh Kontraktor, Pengguna dikehendaki untuk memastikan bahawa kekurangan tersebut dibetulkan dalam tempoh masa dua (2) hari dari tarikh notifikasi.
- b) Sekiranya Pengguna gagal untuk membetulkan kekurangan tersebut seperti di atas, SESB berhak untuk menamatkan Kontrak ini.

43.0 PERSETUJUAN PEMROSESAN DATA PERIBADI

Pengguna bersetuju secara nyata untuk membenarkan SESB untuk mengumpul, merekod, memegang, menyimpan data peribadi Pengguna bagi tujuan pembekalan elektrik ke premis Pengguna oleh SESB, semakan tariff dan/atau skim panduan pendawaian luar bandar. Pengguna seterusnya bersetuju untuk membenarkan SESB untuk terus memproses data peribadi tersebut dan/atau berkongsi dan menzahirkan data peribadi tersebut kepada pihak lain bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di dalam Notis Privasi Perlindungan Data Peribadi SESB dan/atau bagi tujuan yang sah di sisi undang-undang.

BAHAGIAN 3 : SURAT AKUJANJI DAN TANGGUNGAN RUGI / UNDERTAKING AND INDEMNITY LETTER

SURAT AKUJANJI DAN TANGGUNGAN RUGI

Kepada :

Sabah Electricity Sdn Bhd,
Jalan Tunku Abdul Rahman,
88673 Kota Kinabalu.

*Kami/Saya _____ (*No.Kad Pengenalan/ No. pendaftaran syarikat /perniagaan _____ yang beralamat di _____

_____ sesungguhnya bersetuju dan

berakujanji dengan Sabah Electricity Sdn Bhd (No. Pendaftaran Syarikat:462872-W) (selepas ini dirujuk sebagai 'SESB'), sebuah syarikat yang

diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965, yang mempunyai alamat berdaftar di Wisma SESB, Jalan Tunku Abdul Rahman, 88673

Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia dan mempunyai cawangan yang beralamat di Pejabat Kawasan _____

_____ seperti berikut:-

- 1 *Kami/Saya dengan ini bahawasanya mengakui menduduki premis yang beralamat di _____(selepas ini di rujuk sebagai 'Premis tersebut') pada _____ premis tersebut digunakan oleh *kami/saya bagi mendaftarkan akaun Kontrak Bekalan elektrik no: _____ (selepas ini dirujuk sebagai 'Akaun Kontrak Bekalan').
- 2 *Kami/Saya bersetuju dan berakujanji bahawa sekiranya didapati perakuan yang dinyatakan pada Klausula 1 di atas adalah tidak benar dan/atau tidak sah dan/atau dipertikaikan oleh pemunya sah Premis tersebut atau *kami/saya tidak lagi menduduki Premis tersebut, maka perkhidmatan bekalan elektrik yang sedang dibekalkan ke Premis tersebut boleh dihentikan oleh SESB dan Akaun Kontrak Bekalan boleh ditamatkan oleh SESB secara bertulis tidak kurang daripada 24 jam selepas tarikh pemberian notis samada secara pos atau serahan tangan kepada *kami/saya atau pihak lain yang menduduki Premis tersebut atau notis ditampal di Premis tersebut.
- 3 *Kami/saya juga bersetuju dan berakujanji bahawa *kami/saya tidak akan menuntut daripada SESB apa-apa kerugian yang dialami oleh pihak *kami/saya akibat daripada pemberhentian perkhidmatan bekalan elektrik dan/atau penamatan Akaun Kontrak Bekalan oleh SESB seperti yang dinyatakan pada Klausula 2 di atas.
- 4 *Kami/Saya juga bersetuju dan berakujanji akan menanggung dan/atau menggantirugi segala kos perbelanjaan, gantirugi dan/atau sebarang kerugian yang ditanggung oleh SESB terhadap apa-apa tuntutan dan/atau dakwaan daripada pemunya sah Premis tersebut dan/atau mana-mana pihak kelak yang timbul akibat daripada pemberian perkhidmatan bekalan elektrik oleh SESB dan/atau pendaftaran akaun baru di atas nama *kami/saya bagi Premis tersebut.
- 5 *Kami/Saya juga bersetuju dan berakujanji untuk menjelaskan apa-apa bayaran termasuk amaun bil elektrik dan apa-apa caj berkaitan yang dikenakan oleh SESB bagi perkhidmatan pembekalan elektrik di Premis tersebut sehingga tarikh Akaun Kontrak Bekalan ditamatkan samada bagi akaun Kontrak Bekalan tetap atau Bekalan sementara.
- 6 *Kami/Saya juga bersetuju dan berakujanji untuk membenarkan SESB membuat pemindahan apa-apa tunggakan amaun atau caj-caj berkaitan perkhidmatan pembekalan elektrik daripada akaun *kami/saya yang telah ditutup atau ditamatkan kedalam Akaun Kontrak Bekalan atau mana-mana akaun *kami/saya yang masih aktif dengan SESB.
- 7 *Kami/Saya juga bersetuju dan berakujanji untuk membenarkan SESB menggunakan deposit Akaun Kontrak Bekalan atau mana-mana Akaun Kontrak Bekalan *kami/saya yang masih aktif dengan SESB untuk menolak dan/atau membayar apa-apa tunggakan amaun atau caj bagi akaun *kami/saya yang telah ditutup atau ditamatkan. Sekiranya terdapat pengurangan deposit bagi Akaun Bekalan Kontrak disebabkan penolakan dan/atau pembayaran apa-apa tunggakan yang berkaitan maka *kami/saya bersetuju untuk menambah jumlah deposit tersebut menurut jumlah yang dinyatakan oleh SESB.
- 8 *Kami/Saya juga bersetuju dan berakujanji akan menanggung apa-apa kerugian atau perbelanjaan termasuk kos guaman SESB dalam menguatkuasakan Akujanji dan Tanggungan Rugi ini di mahkamah.
- 9 Klausula-Klausula di dalam Akujanji dan Tanggungan Rugi ini pada bila-bila masa adalah berasingan dan berbeza di antara satu sama lain. Sekiranya terdapat salahsatu atau lebih daripada mana-mana klausula di dalam Akujanji dan Tanggungan Rugi ini menjadi tidak sah dari segi undang-undang, maka ketidaksahan tersebut tidak sama sekali memberi kesan kepada Klausula-Klausula yang lain.
- 10 *Kami/Saya juga bersetuju dan mengesahkan bahawa Akujanji dan Tanggungan Rugi ini ditandatangani secara sukarela tanpa apa-apa elemen paksaan, ugutan atau dorongan daripada mana-mana pihak dan *kami/saya menyedari, mengetahui dan memahami segala implikasi daripada Akujanji dan Tanggungan Rugi ini.
- 11 Akujanji dan Tanggungan Rugi ini adalah mengikat pewaris, wasi, pentadbir, pengganti hakmilik dan wakil-wakil yang dilantik oleh pihak *kami/saya.
- 12 Akujanji dan Tanggungan Rugi ini adalah merupakan sebahagian daripada dokumen permohonan Bekalan Elektrik kepada SESB.

AKUJANJI DAN TANGGUNGAN RUGI ini dilaksanakan pada tarikh tahun.....

Ditandatangani *oleh/bagi pihak:

Nama ;
No.Kad Pengenalan ;
*No. Pendaftaran syarikat/Perniagaan ;
*Cop Syarikat ;

Disaksikan Oleh ,

Nama ;
No. Kad Pengenalan ;
Jawatan ;

*Potong mana yang tidak berkenaan.

4E. PELAN TAPAK / SITE PLAN

PETANDA

- Premis Perlu Bekalan
- Tiang Sedia Ada
- Cadangan Tiang, Nyatakan
Lokasi _____
Kuantiti _____ Batang
- Cadangan Talian, Nyatakan
. . . Bawah Tanah _____ Meter
- X-X-X Talian Atas _____ Meter
_____ Talian Sedia Ada
- ♣ Pokok Perlu Ditebang
- ¥ Dahan Perlu Dicantas
- Punca Bekalan
- --- Cadangan Servis.
Nyatakan jarak _____ Meter

LEGENDS

- *Premise That Require Supply*
- *Existing Pole*
- *Propose Pole, Indicate*
Location _____
Quantity _____ Pole
- Proposed Line, Please Specify*
. . . Underground _____ Meter
- X-X-X Overhead Line _____ Meter*
_____ Existing line
- ♣ *Trees To Be Cut Down*
- ¥ *Branches For Clearance*
- *Source Of Supply*
- --- *Proposed Service*
Specify length _____ Meter

Tandatangan, Nama Penandatangan, No. K/P & Cop Syarikat
No. Tel, No. Sijil Pendaftaran JBEG/ST
Signature, Name Of Signatory, I/C No. & Stamp, Address, Tel
No Registration Copy of JBEG/ST

4F. SENARAI SEMAK PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK BAGI BEKALAN <50kVA**Makluman:**

Borang senarai ini dan dokumen-dokumen yang dinyatakan dibawah perlu dimajukan bersama ketika membuat permohonan. Mana-mana dokumen yang tidak lengkap boleh mengakibatkan permohonan tersebut ditolak.

Dokumen Pemohon**(tandakan v)****Bagi Pendaftaran Di Bawah Pemilikan Individu**

- i. Salinan kad Pengenalan/ Pasport Yang Sah
(Hendaklah Berumur 18 Tahun Ke Atas)
- ii. Salinan Bukti Pemilikan / Penyewaan Premis (**yang mana berkenaan**)
- Milik Sendiri : Geran / Hak Milik Tanah atau
Perjanjian Jual Beli (*Disetamkan*)
*Salinan Geran disahkan benar oleh Jab. Tanah & Ukur/Pejabat Daerah
*Borang Kebenaran Mendapatkan Bekalan Elektrik (Hak Milik tanah lebih dari satu (1) Penama)
- Bukan Milik Sendiri : Perjanjian Sewa (*Disetamkan*)
: Borang Permohonan Perkhidmatan Bekalan Elektrik Bagi Premis Dibina Di atas Tanah Kerajaan (Rezab)
: Surat kebenaran pemilik / pemilik- pemilik

Bagi Pendaftaran Di Bawah Pemilikan Tunggal/Perkongsian/ Enterprise

- i. Salinan kad Pengenalan/ Pasport Yang Sah dan cop Perniagaan
(Hendaklah Berumur 18 Tahun Ke Atas)
- ii. Salinan Bukti Pemilikan / Penyewaan Premis (**yang mana berkenaan**)
- Milik Sendiri : Geran / Hak Milik Tanah atau
Perjanjian Jual Beli (*Disetamkan*)
*Borang Kebenaran Mendapatkan Bekalan Elektrik (Hak Milik tanah lebih dari satu (1) Penama)
- Bukan Milik Sendiri : Perjanjian Sewa (*Disetamkan*)
- iii. Lesen Perniagaan

Bagi Pendaftaran Di Bawah Pemilikan Bukan Individu

- i. Surat Kuasa Pemohon
- ii. Salinan Borang Pendaftaran (**yang mana berkenaan**)
- *Syarikat Sdn Bhd/ Berhad : Borang 9, 13, 24 & 49 (Lama)bersama Cop Syarikat
Section 17/15,78,58,28/Section 14(Superforms)berkuatkuasa selepas 31 Januari 2017
(Bagi Penubuhan Syarikat Baru)bersama Cop Syarikat
- * Salinan disahkan benar oleh Setiausaha Syarikat
- iii. Lesen Perniagaan
- *Nota : Bagi Permohonan Baru di W.P.Labuan, hendaklah menyertakan salinan surat kebenaran Perbadanan Labuan**

Dokumen Kontraktor Yang Dilantik Oleh Pemohon

- i. Salinan Borang G (Perakuan Penyelidikan Dan Penyiapan)
- ii. Salinan Borang H (Perakuan Ujian)
- iii. Badan Kerajaan - Jadual 3 Yang Disahkan Oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Gambar Sokongan

- i. Gambar Premis
Keterangan: Gambar tersebut perlu menunjukkan keseluruhan premis dan lokasi panel meter dapat dilihat dengan jelas
- ii. Gambar Panel Meter
Spesifikasi meter panel: Berpandukan Kepada Buku ESAH 2008
- iii. Gambar Pemasangan Elektrik SESB Yang Berdekatan
- iv. Borang PD9 (Untuk permohonan Beban lebih 50 kVA)

Dokumen Khas Bagi Premis Yang Mempunyai Kes Mahkamah

- i. Salinan Surat Kebenaran Mahkamah atau
Salinan Surat Receivers & Managers (R&M)

Dokumen Kod Tataamalan Perlindungan Data Peribadi/The Personal Data Protection Code Of Practice

- i. Borang Persetujuan Pemprosesan Data Peribadi Oleh Pemohon Bekalan Elektrik
Form of Consent to Process The Applicant's Personal Data For Supply Of Electricity

BAHAGIAN 6 : STRUKTUR TARIF / SECTION 6 : TARIFF STRUCTURE

STRUKTUR DAN KADAR TARIF SABAH & WP LABUAN / SABAH & WP LABUAN TARIFF STRUCTURE AND RATES

NO	KATEGORI Tarif	KADAR	UNIT
1	Tarif DM - Tarif Kediaman		
	100kWj pertama (1-100 kWj) sebulan	17.50	Sen/kWj
	100kWj berikutnya (101-200 kWj) sebulan	18.50	Sen/kWj
	100kWj berikutnya (201-300 kWj) sebulan	33.00	Sen/kWj
	200kWj berikutnya (301-500 kWj) sebulan	44.50	Sen/kWj
	500kWj berikutnya (501-1000 kWj) sebulan	45.00	Sen/kWj
	Setiap kWj berikutnya (1001 keatas) sebulan	47.00	Sen/kWj
	Caj minimum bulanan ialah RM5.00		
2	Tarif CM1 - Tarif Perdagangan Voltan Rendah		
	200 kWj pertama (1-200 kWj) sebulan	38.50	Sen/kWj
	Setiap kWj berikutnya (201 kWj keatas) sebulan	39.50	Sen/kWj
	Caj minimum bulanan ialah RM15.00		
3	Tarif CM2 - Tarif Perdagangan Am Voltan Sederhana		
	Bagi setiap kilowatt kehendak maksimum sebulan	23.20	RM/kW
	Bagi semua kWj	32.40	Sen/kWj
	Caj minimum bulanan ialah RM1,000.00		
4	Tarif CM3 - Tarif Perdagangan Puncak/Luar Puncak Voltan Sederhana		
	Bagi setiap kilowatt kehendak maksimum sebulan dalam tempoh puncak	32.60	RM/kW
	Bagi semua kWj dalam tempoh puncak	32.40	Sen/kWj
	Bagi semua kWj dalam tempoh luar puncak	19.50	Sen/kWj
	Caj minimum bulanan ialah RM1,000.00		
5	Tarif ID 1 - Tarif Perindustrian Voltan Rendah		
	Bagi semua kWj	37.60	Sen/kWj
	Caj minimum bulanan ialah RM15.00		
6	Tarif ID 2 - Tarif Perindustrian Am Voltan Sederhana		
	Bagi setiap kilowatt kehendak maksimum sebulan	21.75	RM/kW
	Bagi semua kWj	26.80	Sen/kWj
	Caj minimum bulanan ialah RM1,000.00		
7	Tarif ID 3 - Tarif Perindustrian Puncak Luar Puncak Voltan Sederhana		
	Bagi setiap kilowatt kehendak maksimum sebulan dalam tempoh puncak	28.00	RM/kW
	Bagi semua kWj dalam tempoh puncak	28.60	Sen/kWj
	Bagi semua kWj dalam tempoh luar puncak	18.00	Sen/kWj
	Caj minimum bulanan ialah Rm1,000.00		
8	Tarif PL - Tarif Lampu Jalanraya		
	Bagi semua kWj (tidak termasuk senggaraan)	20.30	Sen/kWj
	Bagi semua kWj (termasuk senggaraan)	36.30	Sen/kWj
	Caj minimum bulanan ialah RM15.00		
9	Bekalan Elektrik Sementara		
	- Enam Bulan (6) - Tapak Kerja, Pesta, dan Perayaan	Kategori Tarif + Surcaj 33% (ke atas jumlah bil bulanan)	-

Nota/Note:

Kadar dan struktur Tarif ini tertakluk kepada perubahan kadar dan struktur Tarif SESB dari masa ke semasa mengikut Seksyen 26, Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan 11- Peraturan-peraturan Bekalan Pemegang Lesen/This Tariff rate and structure is subject to changes from time to time in pursuant to Section 26, Electricity Supply Act 1990 and Peraturan-peraturan Bekalan Pemegang Lesen.